



# SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 3 NEGERI SARAWAK

## SEKTOR TAMBAHAN PERUNCITAN FASA 3

Kemaskini pada 30 SEPTEMBER 2021

Merangkumi	WAKTU OPERASI	10.00 am – 10.00 pm	KAPASITI PEKERJA	80%	KAPASITI PELANGGAN	50%
KEDAI MENJUAL PERMAINAN KANAK - KANAK	<b>AKTIVITI DAN PROTOKOL</b>					
	TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS				
<b>Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan</b>	<b>1. PROTOKOL KESIHATAN (OPERATOR PREMIS)</b>	i. Pemilik atau operator premis mestilah melantik pekerja yang bertanggungjawab dalam melaksanakan SOP ini ii. Pekerja mendaftar kehadiran bertugas dengan menggunakan MySejahtera atau secara manual nama, no.telefon, tarikh dan masa sekiranya kawasan tersebut tiada liputan internet iii. Mengimbas suhu badan pekerja. Pekerja yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah Celsius dan bergejala <b>TIDAK DIBENARKAN</b> untuk bekerja dan dikehendaki untuk menjalani ujian saringan COVID-19 di Klinik Kesihatan iv. Pekerja yang telah lengkap dos vaksin COVID-19 dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja v. Pemilik, operator dan pekerja premis digalakkan untuk menjalani ujian RTK – Antigen sendiri menggunakan <i>self saliva</i> secara berkala setiap 2 minggu sekali vi. Pekerja yang dikenalpasti sebagai <i>Person Under Surveillance</i> <b>TIDAK DIBENARKAN</b> bekerja sehingga mereka telah tamat tempoh kuarantin serta diberikan <i>Release Order</i> oleh Pihak Kesihatan dan selesai menjalani ujian saringan COVID-19 vii. Pekerja <b>TIDAK DIBENARKAN</b> untuk makan secara berkumpulan tanpa penjarakan sosial semasa waktu rehat viii. Operator premis, pekerja dan pembekal <b>DIWAJIBKAN MEMAKAI PELITUP MUKA DENGAN BETUL</b> mengikut saranan KKM ketika berada di dalam premis ix. Pemilik atau operator premis <b>DIWAJIBKAN</b> untuk memastikan ventilasi dan pengudaraan di dalam premis adalah mengikut standard <i>SOP on Ventilation Improvement at Non - Residential Building or Space</i> yang telah ditetapkan oleh SDMC				
<b>Arahan Tetap</b>	<b>2. PROTOKOL KESIHATAN (PELANGGAN)</b>	i. Operator premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal 1 meter ii. Operator premis hendaklah menyediakan <i>hand sanitizers</i> atau tempat dan sabun untuk mencuci tangan iii. Memastikan pelanggan mendaftar masuk premis menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama, no. telefon, tarikh dan masa memasuki premis iv. Mengimbas suhu badan pelanggan. Suhu badan melebihi 37.5 darjah Celsius dan individu yang mempunyai gejala seperti batuk atau selsema <b>TIDAK DIBENARKAN</b> memasuki premis v. Pemilik, operator dan pekerja premis <b>DIWAJIBKAN</b> untuk memastikan hanya pelanggan dengan status “ <i>Low Risk</i> ” termasuk “ <i>Casual Contact Low Risk</i> ” dalam MySejahtera dan telah lengkap dos vaksin COVID-19 <b>DIBENARKAN</b> masuk vi. <b>Kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah TIDAK DIBENARKAN</b> memasuki premis vii. Bagi mereka yang berstatus “ <i>Kontak Rapat</i> ”, <i>Person Under Surveillance</i> dan <i>Patient Under Investigation</i> <b>TIDAK DIBENARKAN</b> memasuki premis dan perlu dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan Bahagian. viii. Pelanggan <b>DIWAJIBKAN MEMAKAI PELITUP MUKA DENGAN BETUL</b> mengikut saranan KKM ketika berada di dalam premis ix. Mewajibkan had jumlah pelanggan dalam satu-satu masa mengikut keluasan premis perniagaan pelanggan dengan penetapan satu (1) orang bagi setiap empat (4) meter persegi ruang lantai niaga				
<ul style="list-style-type: none"> <li>Peraturan 14 dan 16 P.U.(A) 293/2021</li> <li>Akta 342</li> <li>PPHO 1999</li> <li>Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021</li> <li>SOP Pelan Pemulihan Negara : Sarawak Fasa 3 yang dikeluarkan MKN bertarikh 29 September 2021</li> <li>Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPN Sarawak</li> <li>Arahan dan peraturan di bawah PBT</li> <li>Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.</li> <li>Buku Daftar Kehadiran pekerja atau petugas berasingan</li> </ul>						



# SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 3 NEGERI SARAWAK

## SEKTOR TAMBAHAN PERUNCITAN FASA 3

Merangkumi	WAKTU OPERASI	10.00 am – 10.00 pm	KAPASITI PEKERJA	80%	KAPASITI PELANGGAN	50%
KEDAI MENJUAL PERMAINAN KANAK - KANAK	<b>AKTIVITI DAN PROTOKOL</b>					
<b>Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>PENERANGAN RINGKAS</b>				
<ol style="list-style-type: none"> <li>Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang</li> <li>Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM</li> <li>Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM</li> </ol>	<b>3. PEMBERSIHAN DAN NYAHKUMAN</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan sekurang-kurangnya 2 kali sehari</li> <li>Menggunakan cecair pencuci dengan kandungan sodium hypochlorite mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terutamanya tempat yang kerap disentuh</li> <li>Sekiranya didapati premis dikunjungi oleh pesakit COVID-19, premis hendaklah didisinfeksi sebelum dibuka kepada pelanggan</li> <li>Operator dan pekerja yang terdedah kepada kes positif COVID-19 hendaklah membuat ujian RTK – Antigen <i>swab</i></li> <li>Sekiranya operator atau pekerja didapati positif COVID-19, premis hendaklah ditutup sehingga dibasmi kuman dengan sempurna (Seksyen 18 (1)(d) di bawah Akta 342)</li> </ol>				
<b>Arahan Tetap</b>	<b>4. PANDUAN &amp; PENANDAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan poster peringatan mengenai protokol am kesihatan dan keselamatan serta penggunaan tanda penjarakan sosial mesti dipaparkan di premis, tempat duduk dan meja</li> </ol>				
<ul style="list-style-type: none"> <li>Peraturan 14 dan 16 P.U.(A) 293/2021</li> <li>Akta 342</li> <li>PPHO 1999</li> <li>Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021</li> <li>SOP Pelan Pemulihan Negara : Sarawak Fasa 3 yang dikeluarkan MKN bertarikh 29 September 2021</li> <li>Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak</li> <li>Arahan dan peraturan di bawah PBT</li> <li>Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan</li> <li>Buku Daftar Kehadiran pekerja atau petugas berasingan</li> </ul>						